



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH
PROJEK PEMBINAAN JALAN AKSES KE KAWASAN SELATAN
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING, SARAWAK**

DAN

**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP
SIRI 4 TAHUN 2021**

**PADA 13 NOVEMBER 2021 (SABTU)
KUCHING, SARAWAK**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua kita dapat bersama – sama di Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Jalan Akses ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak dan Majlis Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap Siri 4 Tahun 2021 pada hari ini.

2. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jabatan Kerja Raya Sarawak, CIDB dan juga semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan majlis pada hari ini.

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN JALAN AKSES KE KAWASAN SELATAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING, SARAWAK

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Iltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif di semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan, merupakan fokus utama dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

4. Ini adalah asas kepada kemakmuran negara serta memastikan

Keluarga Malaysia bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa. Ini juga telah menjadi garapan dan teras Kementerian Kerja Raya dalam menyediakan dan memastikan infrastruktur yang disediakan, memenuhi kehendak rakyat serta menjadi asas kepada pembangunan ekonomi negara.

5. Hari ini adalah hari yang amat bertuah kerana kita dapat bersama-sama mencipta sejarah dengan menyaksikan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Pembinaan Jalan Akses ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuching.

6. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, yang telah berusaha keras dalam merealisasikan kelulusan Projek Pembinaan Jalan Akses ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuching ini. Bermula dengan kegigihan Dato' Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian bermula dari tahun 2017 lagi, hari ini kita semua bakal menyaksikan upacara pecah tanah sebagai simbolik permulaan pembinaan dan diharapkan beberapa tahun lagi kita semua dapat menikmati keselesaan yang diilhamkan Prof Dr Sim.

7. Pembinaan jalan baharu sepanjang 6.20 km yang akan dibina ini bermula daripada persimpangan Stutong sehingga ke persimpangan Bukit Berangan. Tambahan kepada itu, bagi meningkatkan lagi aksesibiliti penduduk berhampiran, skop jalan baharu yang akan menghubungkan jalan baharu (dari persimpangan Stampin) ke Kg. Sg. Tapang sepanjang 1.70km turut akan dibina.

8. Selain pembinaan jalan baharu, antara skop utama lain bagi projek ini adalah melibatkan pembinaan tiga (3) buah jambatan konkrit 2 lorong 2 hala merentasi Sg Kuap, Sg Stampin dan Sg Sangkoh; serta pembinaan satu (1) *underpass* untuk merentasi kawasan Lapangan Terbang.

9. Kementerian Kerja Raya sememangnya amat berbesar hati dapat melaksanakan projek ini yang dapat memberi manfaat kepada rakyat terutamanya penduduk setempat dan pengguna jalan raya lain. Antara manfaat yang bakal dinikmati adalah penguraian trafik bagi kawasan sekitar, penjimatan masa dan penggunaan jalan raya yang lebih selesa dan selamat.

10. Projek ini telah dimulakan pelaksanaannya dengan Tarikh Milik Tapak telah diberikan kepada kontraktor yang berjaya iaitu Reka Ikhtiar Sdn. Bhd. pada 02 Ogos 2021 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh masa 36 bulan iaitu pada 01 Ogos 2024. Kos Kontrak bagi projek ini adalah sebanyak RM112.9 juta.

11. Besar harapan saya, dengan adanya projek sebegini, secara tidak langsung dapat menjana pembangunan sosio ekonomi di kawasan sekitar khususnya kepada sektor industri pelancongan dan industri kecil dan sederhana di samping mewujudkan peluang pekerjaan, perniagaan dan industri tempatan.

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP SIRI 4 TAHUN 2021

Hadirin sekalian,

12. Pelaksanaan sesebuah projek kadangkala menghadapi masalah sehingga berlakunya projek sakit dan seterusnya penamatan kepada kontrak pembinaan tersebut. Sekiranya perkara ini berlaku, pelawaan tender semula bagi penyiapan baki kerja tersebut akan dilaksanakan oleh kontraktor secara kaedah Tender Terhad.

13. Namun kini, Kerajaan telah menambah baik peraturan sedia ada mengenai pelantikan Kontraktor Penyiap dengan memansuhkan kaedah perolehan secara Tender Terhad dan menggantikannya dengan kaedah Tender Terbuka. Kaedah ini dilaksanakan dalam kalangan Kontraktor Penyiap yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya. Peraturan ini terpakai untuk semua projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

14. Terdapat beberapa kriteria dan saringan yang telah ditetapkan dalam proses pemilihan bagi Kontraktor Penyiap ini. Bagi saringan pertama kontraktor perlulah menepati syarat – syarat berikut:

- a. Syarikat perlu berdaftar dengan CIDB;
- b. Memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Lesen Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA);
- c. Memiliki Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding Sarawak (UPKJ);
- d. Mempunyai SCORE CIDB minimum tiga bintang,
- e. Mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi; dan
- f. Mempunyai pengalaman kerja yang baik.

15. Bagi saringan kedua pula syarat-syarat yang ditetapkan adalah melibatkan tapisan daripada semua Kementerian dan Jabatan Teknik mengenai Rekod projek sakit dalam tempoh lima tahun terkini. Selain itu, kontraktor juga diwajibkan tiada aduan prestasi kerja yang lemah atau kurang memuaskan, bebas daripada denda dan gantirugi dikenakan (LAD), bebas daripada muflis, tiada tindakan undang-undang, jenayah, sivil dan tatatertib daripada mana-mana badan kawal selia serta tiada kontrak yang telah ditamatkan. Semakan silang daripada Jabatan Insolvensi Malaysia juga akan turut dilaksanakan.

16. Saringan Ketiga pula adalah melibatkan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Proses ini dilakukan bagi memastikan kontraktor yang dipilih adalah bebas daripada unsur rasuah.

17. Pengiktirafan sebagai Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya ini merupakan satu amanah besar kepada semua penerima sijil pada hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada 117 kontraktor yang telah terpilih melalui Tender Pra-Kelayakan Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya bagi Siri 4 tahun 2021.

18. Namun ingin saya tegaskan di sini, adalah menjadi kewajipan kepada semua Kontraktor Penyiap untuk mematuhi setiap kriteria ditetapkan dan mengekalkan prestasi cemerlang.

19. Kementerian Kerja Raya akan sentiasa memantau prestasi Kontraktor Penyiap ini. Jika didapati ada yang melanggar kriteria yang telah ditetapkan, tindakan menarik balik Sijil Kontraktor Penyiap akan dilaksanakan serta

merta. Komitmen ini adalah komitmen kita bersama demi menjayakan agenda kemajuan infrastruktur negara.

PENUTUP

20. Akhir kata, saya berharap pembangunan infrastruktur di negara kita akan terus berkembang pesat dan sektor pembinaan terus menjadi penyumbang ekonomi untuk kesejahteraan kita bersama.

21. Dengan lafaz “Bismillahirrahmannirrahim” saya dengan ini merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Jalan Akses ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak dan Majlis Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap Siri 4 Tahun 2021.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih